

## **ABSTRAK**

Kajian ini berkisar tentang penggunaan *methadone* dalam rawatan penagihan dadah tegar di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap sejauh mana status *methadone* dari sudut perspektif Islam. Oleh yang demikian itu, pengkaji membuat pengecaman terhadap *methadone*, samada dari segi bahan atau zat, kesantindak dan fungsi serta peranannya melalui beberapa metode iaitu perpustakaan, wawancara dan observasi serta metode penganalisaan data subjek menerusi metode induktif, deduktif dan komparatif. Ternyata kesemua metode tersebut membawa pengkaji ke arah menentukan hasil penentuan *methadone* samada ia berada dalam kategori racun, dadah atau ubat. Dapatkan kajian mendapati bahawa hukum asal *methadone* tidak harus penggunaannya. Ini adalah kerana menerusi metode perpustakaan dan wawancara bersama pakar mendapati bahawa kesantindak *methadone* adalah serupa dengan morfin. Walau bagaimanapun, ia akan bertukar menjadi harus pengambilannya jika ia digunakan sebagai ubat untuk rawatan dengan menggunapakai konsep *al-darurah*. Namun, ia akan bertukar kembali menjadi tidak harus jika penggunaannya berlaku penyelewengan atau tersasar samada di pihak pesakit atau pihak perawat. Oleh yang demikian itu, kajian mendapati bahawa keharusan penggunaan *methadone* adalah berdasarkan niat, tujuan dan cara penggunaannya yang tidak boleh lari daripada konsep dan kaedah-kaedah fekah terutamanya konsep *al-darurah* serta *al-darurah tuqaddar biqadariha*.

## **ABSTRACT**

This study revolves around the issues the use of methadone in the treatment of hardcore drug addiction in Malaysia. Its purpose is to reveal the ruling of methadone usage from the Islamic perspective. Therefore, the researcher identifies methadone in terms of substance, impact, functions and its role via several methods such as libraries, interviews, observation and data analysis of the subject through an inductive, deductive and comparative method. Apparently all these methods take the researcher to decide whether the determination of methadone result is in the category of toxins, drugs or medication. The findings reveals that the original law does not allow the use of methadone. This is because the method through the library and interviews with experts discovered that methadone impact is similar to morphine. However, the usage of the medicine is allowable if it is considered as medication for drug treatment by adopting the concept of *al-darurah*. Thus, it will be changed back as an original law if the use is inappropriate or misuse by either patients or the nursing parties. Thus, the study found that the allowable use of methadone is based on the intention, purpose and usage method which should be parallel from the *al-fiqh* concepts and methods, especially the concept of *al-darurah* and *al-darurah tuqaddar biqadariha*.